

PENAWARAN SIJIL KOMPETENSI BIM NEX-GEN CIDB OLEH JABATAN PENGURUSAN PEMBINAAN

Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima kehadiran pihak CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd. (CIDBEC) pada 24 Februari 2025. Kehadiran pertama kali pihak CIDBEC ke FPTP ini bertujuan membincangkan penawaran sijil kompetensi yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*Construction Industry Development Board atau CIDB*) kepada para pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan kepujian atau dikenali juga dengan program BPC dengan kerjasama anak syarikat CIDB iaitu CIDBEC.

CIDBEC ditubuhkan bagi membantu industri pembinaan negara dalam hal Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk meningkatkan sumbangannya, dan tahap daya saing untuk memenuhi keperluan standard pasaran tempatan dan antarabangsa. CIDBEC menyediakan pelbagai perkhidmatan dalam bentuk perundingan, program latihan dan peningkatan kemahiran berkaitan ICT dalam bidang pembinaan. Sijil daripada program yang dibangunkan dan dilaksanakan bersama CIDBEC adalah kompeten dan dikenali sebagai sijil kompetensi yang dikeluarkan oleh CIDB Malaysia. Penawaran sijil kompetensi yang diiktiraf oleh CIDB kepada para pelajar program BPC akan mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan program tersebut, memperkasa TVET dan membangun ekonomi yang mana seiring dengan hasrat murni UTHM.

Kehadiran delegasi CIDBEC yang diketuai oleh Encik Sharifuddin Omar yang merupakan Ketua Bahagian – Pembangunan Perniagaan Korporat, Puan Siti Aisah Omar selaku Ketua Jualan, Pemasaran dan Latihan serta Puan Azra Fakhiera Samsuddin telah disambut baik oleh Dekan FPTP; Profesor Madya Dr Shafie Mohamed Zabri serta Ketua Jabatan JPP; Profesor Madya Ts Gs Dr Sulzakimin Mohamed. Perbincangan tersebut turut disertai oleh Penyelaras Program BIM NEX-GEN UTHM iaitu Profesor Madya Dr Aryani Ahmad Latiffi dan Penyelaras Sijil Kompetensi JPP iaitu Profesor Madya Dr. Norpadzlihatun Manap.

Hasil perbincangan kedua-dua pihak membawa kepada persetujuan untuk melaksanakan beberapa program latihan sijil kompetensi yang melibatkan pelajar dan juga staf akademik di JPP sepanjang tahun 2025. Program BIM Nex-Gen CIDB merupakan program yang telah dibincangkan untuk ditawarkan kepada pelajar program BPC tahun ini. Ianya merupakan program yang baharu sahaja dibangunkan oleh CIDB Malaysia khusus untuk pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan. Program ini merupakan program yang menggunakan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi sendiri contohnya UTHM yang mempunyai kelayakan dan kompeten untuk melatih pelajar bagi memperolehi sijil kompetensi. Pemantauan perlaksanaan program dan juga penilaian dilakukan oleh pihak CIDB Malaysia. Program BIM Nex-Gen CIDB meliputi beberapa pilihan modul seperti *BIM Modelling of Architecture*, *BIM Modelling of Structure*, *BIM of Project Quantification* serta pelbagai lagi modul sijil kompetensi yang lain. Sesi *Training of Trainers* (ToT) akan diadakan dalam masa terdekat bagi melancarkan penawaran program BIM Nex-Gen CIDB oleh JPP. Tambahan, satu lawatan industri akan diadakan dalam masa terdekat untuk meninjau pusat latihan iaitu myBIM Centre Malaysia di Kuala Lumpur dimana sesi ToT akan dijalankan. Sekiranya segala perancangan berjalan lancar, program BIM Nex-Gen CIDB ini akan meletakkan UTHM sebagai Universiti Awam pertama di Malaysia yang melaksanakan program ini. Semoga hubungan kerjasama yang telah terjalin antara CIDBEC dan JPP, FPTP khususnya dan UTHM umumnya berjalan lancar dan membawa kebaikan dan kejayaan kepada semua pihak yang terlibat.



Delegasi CIDBEC bersama Dekan FPTP dan ahli JPP



Pembentangan Program BIM Nex-Gen sedang berlangsung

Laporan disediakan oleh:

PM Dr Aryani Ahmad Latiffi

PM Dr Norpadzlihatun Manap

Jabatan Pengurusan Pembinaan, FPTP, UTHM